

Jabatan Perkhidmatan Awam, Malaysia  
(Chawangan Naik Pangkat & Tatatertib)

Bangunan Penerangan

Jalan Mountbatten,

Kuala Lumpur.

10hb. Julai, 1970.

## **SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 16 TAHUN 1970**

### **Pekerjaan Luar (Pensharah atau Tutor Sambilan di Universiti atau Pusat Pelajaran tinggi). (Peratoran 4, Perentah2 'Am bab 'D' 1969)**

Ada-lah saya di-arah menarik perhatian tuan kepada Peratoran 4, Peratoran2 Pegawai2 Awam (Kelakuan dan Tatatertib) ([Perentah2 Am Bab 'D'](#)) 1969, di-mana disharatkan bahawa pegawai2 Kerajaan tidak boleh mengambil bahagian dalam pekerjaan luar kechuali dengan kebenaran atau kuasa yang nyata dari Ketua Jabatan-nya.

2. Di- masa yang akhir2 ini banyak pertanyaan telah di-kemukakan kepada Jabatan ini berkenaan dengan sharahan2 dan tutorial sambilan di-Universiti atau Pusat2 Pelajaran Tinggi. Supaya Ketua2 Jabatan atau pehak berkuasa yang meluluskan permohonan , mendapat pengetahuan yang jelas mengenai peratoran2 yang harus diikuti dalam menimbangkan dan meluluskan permohonan dari pegawai2 di - bawah mereka, maka ini-lah di-perturunkan dasar2 untuk panduan ketua2 Jabatan atau Pehak-berkuasa meluluskan permohonan.

3. Sa-belum memberi kebenaran, Ketua2 Jabatan hendak-lah menentukan bahawa pegawai yang memohon itu telah di-sahkan dalam jawatan-nya atau sa-kurang2-nya telah lulus semua pepereksaan yang di-wajibkan dalam perkhidmatan-nya, lazim-nya bagi pegawai yang telah di-tetapkan dalam jawatan-nya, kebenaran ada-lah di-beri dengan syarat sharahan atau tutorial sambilan itu tidak akan membawa kepada pertelingkahan dengan tugas resmi-nya, atau memberi-nya kesempatan untuk

menggunakan kedudukan rasmi-nya untuk kepentingan persendirian-nya. Pertimbangan boleh di-beri sekira-nya sharahan atau tutorial sambilan itu ada-lah merupakan tawaran dari pihak Universti atau lain2 Pusat Pelajaran Tinggi. Pegawai2 ada-lah tidak di-jangka membuat permohonan kepada Universiti atau lain2 Pusat Pelajaran Tinggi untuk mengambil bahagian dalam pekerjaan luar ini. Apa2 kebenaran yang di-beri hendak-lah untuk tempoh tidak melebihi satu tahun, buat permulaan-nya, dan lanjutkan kepada tempoh ini hendak-lah di-anggap sebagai permohonan baru yang harus di-timbang mengikut merit-nya sendiri, umpama-nya perkhidmatan-nya sangat2 diperlukan oleh pihak Universiti atau beliau di-kehendaki menyudahi sharahan-nya mengikut sukatan pelajaran, dan lain2 lagi. Semua sharahan atau tutorial sambilan hendak-lah di-jalankan sa-boleh-nya di-luar waktu pejabat dan di-hadkan sa-banyak2-nya kepada tiga kali saminggu.

4. Bagi Pegawai2 dalam perchubaaan, kebenaran mungkin di-beri sekira-nya mereka telah lulus dalam semua peperiksaan yang di-sharatkan oleh perkhidmatan-nya. Kebenaran ini hendak-lah juga tertaalok kepada syarat2 di-perenggan 3 di-atas. Bagaimanapun bagi pegawai2 yang belum lagi lulus peperiksaan mereka, kebenaran tidak harus di-beri, biar pun mereka telah di-tawarkan pekerjaan itu oleh Universiti atau lain2 Pusat Pelajaran tinggi.

5. Untuk pegawai2 yang lain daripada pegawai2 dalam Perkhidmatan Dalam dan Luatan Dalam dan Luar Negeri, kebenaran bolehlah di-beri oleh Ketua Jabatan mereka yang berkenaan. Bagi Pegawai2 Perkhidmatan Dalam dan Luar Negeri, Kebenaran hanya di-beri oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam. Oleh hal yang demikian semua permohonan mengenai pekerjaan luar dari mereka ini hendak-lah di-salorkan ke-jabatan ini melalui Ketua Jabatan/Kementerian mereka. Permohonan hendak-lah di-buat dalam borang yang di-kembarkan bersama2 surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 5/1967 bertarikh 7hb. Julai, 1967.

6. Hasil pendapatan dari pekerjaan luar ini ada-lah tertaalok kepada peratoran2 dalam surat pekeling Bil. PERJ. SULIT 1607/55 bertarikh 1hb. Disember, 1965 yang telah di-keluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

Saya yang menurut perintah,

(WAN AWANG BIN WAN YAACOB)

Bahagian Perkhidmatan,

b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

Malaysia.

Setia Usaha2 Tetap/Setia Usaha2 Kementerian.

Ketua2 Jabatan Persekutuan.

Salinan : Setia Usaha, Surohanjaya Perkhidmatan, Awam,

Kuala Lumpur.

Y.B. Setiausaha2 Kerajaan Negeri, (Malaysia Barat).